

Nurul Izzah lelong gitar akustik RM12,000
Malaysiakini.com
January 8, 2011

Ahli parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar mempamerkan kemahirannya muziknya untuk mengumpul dana untuk cabangnya, sebelum melelong gitar kesayangannya yang dihidiah 13 tahun lalu, oleh bapanya, beliau ketua umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya dihidiahkan gitar kerana mendapat 8A dalam SPM. Ia antara segelintir hadiah yang diterima daripada bapa saya.

"Beliau jarang memberikan kami sesuatu, selain botol syampu daripada hotel beliau menginap," katanya disambut ketawa kira-kira 500 orang yang menghadiri majlis makan malam di Bangsar.

Gitar akustik Alvarez itu berjaya dilelong dengan harga RM12,000 kepada pembida yang mahu identitinya dirahsiakan.

Nurul Izzah sempat menghiburkan penonton dengan petikan lagu-lagu kumpulan rock alternatif Inggeris Radiohead.

Beliau juga turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pengundinya kerana memberi peluang kepadanya untuk berkhidmat di Lembah Pantai sejak tiga tahun lalu.

DAP Petaling Jaya Utara parlimen Tony Pua pula memberitahu hadirin bahawa gitar tersebut akan bernilai lebih RM13,000 pada masa depan, kerana "jika Anwar tidak boleh melakukannya, Izzah mempunyai 30 tahun untuk menjadi perdana menteri anda."

Barangan lain yang turut dilelong termasuk karikatur kartunis politik Zunar, yang menggambarkan seorang wanita besar naik di bahu seorang lelaki yang lebih kecil, bertulis 'The Exorcism of Emily Rose-Mah' yang mengutip RM2, 000.

Manakala seorang hadirin, yang tidak mahu namanya disebutkan, membayar RM1,000 untuk topi milik penulis blog kontroversi Raja Petra Kamaruddin.

Raja Petra juga 'menemui' hadirin melalui siaran video Internet dari UK, dengan memberitahu Pakatan Rakyat bahawa "kekuatan ketiga" adalah rakyat yang kurang mendapat perhatian daripada gabungan tersebut.